

Tunku Ali Redhaudin ketua penerima sempena Keputeraan Yang Dipertuan Besar ke-66

769 terima darjah kebesaran

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 13 Jan. - Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin ibni Tuanku Muhriz dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sime Darby Berhad, Datuk Abd. Wahab Maskan mengetahui senarai penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir Ke-66, esok.

Kedua-dua tokoh berkenaan dikurniakan Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri dalam istiadat yang akan berlangsung di Balai Rong Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah dekat sini.

Dalam pada itu, seramai 767 orang akan menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena hari keputeraan baginda.

Bagi darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) pula, Pakar Ortopedik Hospital Tuanku Ja'afar, Dr. Abdul Rauf Ahmad pula mengetahui senarai 10 penerima itu yang membawa gelaran Datuk.

Turut menerima darjah berkenaan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Abu Ubaidah Redza; Penolong Ketua Staf Logistik Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mejar Jeneral Hanafiah Jaafar dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak



TUANKU Muhriz Tuanku Munawir bersama Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud dan Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz (tiga, kiri) berkenan mendengar penerangan daripada Chef Pastrri, Mohd. Irwan (kiri) semasa menerima kek daripada The Royale Bintang Resort & Spa sempena Hari Keputeraan ke-66 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan semalam.

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias.

Individu lain yang turut menerima DPNS ialah Pengarah Syarikat Beyond Marvel Sdn. Bhd., Ruslan Ibrahim; Duta Besar Malaysia ke Austria, Datuk Selwyn Vijayarajan Das; Pengarah Institut Kajian Perubahan Iklim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah dan

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Berhad, Tengku Datuk Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menerima sama darjah yang sama ialah Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Datin Zabariah Mohd. Yusof dan peguam Zamani Ibrahim.

Sementara itu seramai tiga individu akan menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut mem-

bawa gelaran Datuk terdiri dari peguam Nasharuddin Hussin; pakar perubatan, Dr. Satber Kaur Manjit Singh dan ahli perniagaan Woo Swee Lian.

Bagi Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang juga membawa gelaran Datuk, 29 penerima telah diperkenankan bagi tujuan berkenaan.

Mereka ialah Pegawai Daerah Port Dickson, Ab. Khalid Mat; Pe-

ngerusi Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja, Brigedier Jeneral Abd. Halim Othman; Ahli Majlis Tertinggi Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Malaysia, Abdul Muhi Abd. Wahab; Panglima 1 Briged, Brigedier Jeneral Datuk Adnan Abu Bakar dan Ketua Pegawai Semboyan Markas Tentera Darat, Brigedier Jeneral Datuk Ahmad Hadiatullah Maknun Ridzuan.

Penerima lain yang menerima darjah berkenaan, ahli perniagaan Ahmad Rusdi Datuk Ahmad Soffian; aktivis masyarakat, Chong Khin Sang; Ketua Pegawai Eksekutif Cypark Sdn. Bhd., Daud Ahmad; Ahli perniagaan, Hairodin Bibit; Timbalan Pengarah Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Hishamuddin Hashim dan Pengerusi Perhubungan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Negeri Sembilan, Ibrahim Abdullah.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengerusan), Ibrahim Hassan; Pakar Perunding Kanan serta Ketua Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi Hospital Tuanku Ja'afar, Dr. Jenny Tong May Geok; Pengarah Jabatan Pendidikan negeri (JPNS), Kalsom Khalid; ahli perniagaan Kamarul Halim Datuk Muhamad Sharip; ahli perniagaan R. Krishnan; RRM Krishnan; Pegawai Kemajuan Negeri Sembilan, Mohammad Rawi Baharom.

Presiden Puncak Oil and Gas, Mohamed Sabri Mohamed Zain; Bendahari UKM, Mohd. Abd. Rasid Mo-

hd. Fadzil; Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah; ahli perniagaan, H. Nagen-dran; bekas Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir. Nordin Ahmad; Pengarah Urusan Tetuan Advantage QS Sdn. Bhd. Sr. Norhisham Abdul Malek.

Turut menerima darjah yang sama Ketua Pegawai Operasi Syarikat Gagah Satria (M) Sdn. Bhd., Paul M. Arocksami; Pengarah Urusan Shell Refining (FOM) Bhd., Rozano Saad; ahli perniagaan, S. Surash; ahli perniagaan, Tan Tian Meng; ahli perniagaan, Wong Kam Yong dan Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak, Senior Asisten Komisioner Zulkapli Ahmad.

Sementara itu, seramai 28 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), seorang penerima bagi Darjah Tuanku Muhriz (DTM) dan Darjah Pekerti Terpilih (DPT) pula seramai 10 orang.

Dalam pada itu, seramai 92 orang penerima Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS), empat individu menerima Setiawan Tuanku Muhriz (STM) dan 216 orang lagi dikurniakan Pingat Khidmat Cemerlang (PMC).

Bagi Pingat Jasa Kebaktian (PJK) seramai 338 orang menerima pingat berkenaan sempena hari keputeraan baginda manakala 26 orang lagi menerima Pingat Khidmat Lama (PKL) dan 10 individu menerima Bentara Tuanku Muhriz (BTM).